

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TAN SRI DATO' SERI ABD KHALID BIN IBRAHIM
(BANDAR TUN RAZAK)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 23.05.2016

Y.B. TAN SRI DATO' SERI ABD KHALID BIN IBRAHIM [BANDAR TUN RAZAK] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan unjuran tahunan penawaran dan keperluan harta tanah mengikut nilai, unit dan negeri antara 2016 hingga 2025 serta perincian maklumat mengikut segmen kediaman, komersial dan industri.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Anggaran purata kadar pertumbuhan tahunan penawaran sedia ada (berdasarkan trend tahun 2010 - 2015), mengikut sektor dan negeri adalah di antara 1.2% hingga 9.2% bagi sektor kediaman, 1.6% hingga 13.6% bagi sektor perdagangan dan 0.1% hingga 9.4% bagi sektor industri. Perincian anggaran kadar pertumbuhan tersebut

mengikut negeri adalah seperti berikut:

Negeri	Purata Kadar Pertumbuhan (%)		
	Kediaman	Perdagangan	Industri
WP Kuala Lumpur	2.0	3.1	0.1
WP Putrajaya	9.2	13.6	0.0
WP Labuan	1.5	1.6	0.1
Selangor	2.0	3.7	2.0
Johor	1.6	1.7	1.3
Pulau Pinang	2.6	1.7	0.9
Perak	2.2	3.5	2.2
Negeri Sembilan	1.2	2.0	3.1
Melaka	1.9	2.9	9.4
Kedah	1.9	1.8	3.4
Pahang	2.5	3.4	4.4
Terengganu	4.5	5.9	2.6
Kelantan	2.5	2.6	2.9
Perlis	2.8	3.5	5.5
Sabah	3.6	2.4	5.6
Sarawak	2.6	3.1	5.2

Unjuran unit dan nilai bagi tahun 2016 hingga 2025 adalah tertakluk kepada perancangan pembangunan fizikal yang dibuat oleh Jabatan Perancang Bandar & Desa Semenanjung Malaysia, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dan Unit Perancang Ekonomi (EPU), Jabatan Perdana Menteri.